

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT
AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN
KOPUTRA KALI KE-36**

**11 JUN 2022 (SABTU)
9:30 PAGI
HOTEL TENERA, BANDAR BARU BANGI**

Bismillahirrahmaanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima Kasih Pengacara Majlis

**YBrs. Encik Khairul Kamarudin
Ketua Pegawai Eksekutif
Bank Muamalat Malaysia Berhad**

**YBrs. Tn. Hj. Zaharuddin Alias
Pengerusi KOPUTRA**

Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan
dan Puan-Puan yang Dihormati
Sekalian

ASSALAMUALAIKUM W.B.T

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadirat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya dapat kita berhimpun di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPUTRA Kali Ke-36 selaras dengan maksud Seksyen 39 Akta Koperasi iaitu mengadakan

Mesyuarat Agung Tahunan selepas tahun kewangannya berakhir.

2. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Anggota Lembaga KOPUTRA dan warga kerja kerana telah berjaya melaksanakan

tugas dan tanggungjawab bagi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ini mengikut masa yang telah ditetapkan.

3. Saya yakin prestasi ini akan dapat diteruskan untuk tahun-tahun akan

datang sekiranya Anggota Lembaga KOPUTRA (ALK) dan pengurusan KOPUTRA sentiasa menjalankan tadbir urus operasi yang lebih komited dan melaksanakan amanah yang diberikan oleh anggota KOPUTRA.

Hadirin yang dihormati sekalian

4. Dalam kita berhadapan dengan situasi wabak Covid-19 yang sudah memasuki tahun ketiga, setiap koperasi yang ada di Malaysia perlu memikirkan cara bagaimana untuk meningkatkan

pendapatan koperasi. Jaringan kerjasama strategik dengan koperasi lain perlu diwujudkan bagi meluaskan rangkaian perniagaan pada skala yang lebih besar dan untuk jangka masa panjang. Ini satu usaha bagi menjamin keuntungan lumayan seterusnya

memberikan pulangan dividen yang tinggi kepada anggota.

5. ANGKASA akan terus komited membantu koperasi sama ada dari segi khidmat nasihat, merangka pelan perniagaan dan aktiviti perkhidmatan

yang dapat memberikan pulangan sosioekonomi yang bermanfaat untuk anggota khususnya dan koperasi umumnya. Semoga setiap apa yang kita lakukan dapat memberi manfaat kepada semua yang hadir, InsyaAllah.

6. Gerakan koperasi di Malaysia merupakan sektor besar yang harus dibanggakan. Mengikut perangkaan SKM sehingga **Disember 2021**, bilangan koperasi berjumlah **14,834 buah** di seluruh negara yang melibatkan jumlah keanggotaan individu seramai

7,079,119 juta orang. Manakala modal syer/yuran pula berjumlah **RM16,544.66 juta** dan aset sebanyak **RM154,983.01 juta** yang menjana perolehan sehingga **RM37,895.62 juta.**

7. Ini secara tidak langsung menunjukkan masyarakat mempunyai keyakinan bahawa koperasi mampu membawa perubahan kepada landskap ekonomi. Aktiviti ekonomi yang diusahakan oleh koperasi mampu menjana pendapatan dan

pekerjaan baru kepada penduduk setempat. Oleh itu, saya menyeru koperasi anggota yang sedia ada untuk turut sama berkempen bagi menambah keanggotaan agar gerakan koperasi kekal relevan dalam

arus perdana sosioekonomi rakyat dan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian

8. Masyarakat digalak
menggunakan koperasi sebagai

platform untuk berniaga atau memulakan perniagaan. Melalui koperasi, ia dapat menyumbang pelbagai kepakaran dan memperoleh modal yang lebih besar. Kini, hanya sekurang-kurangnya 20 orang ahli diperlukan untuk menganggotai

koperasi. Jadi, koperasi dicadangkan untuk mempelbagaikan aktiviti perniagaan bagi memastikan pendapatan dapat dijana dengan lebih baik.

9. Antara perniagaan yang banyak

diceburi oleh koperasi kini antaranya dalam pelaburan, perkhidmatan pembiayaan berlandaskan syariah seperti pinjaman peribadi dan barangan, pajak gadai Ar-Rahnu, jualan dinar emas/gold bar, penawaran pakej haji dan umrah,

perkhidmatan pengurusan wasiat, pelan takaful, pembiayaan pendidikan, homestay dan penjualan produk runcit makanan.

10. Perniagaan-perniagaan ini sentiasa mempunyai permintaan dari

anggota terutamanya dan masyarakat umumnya. Contohnya perniagaan pajak gadai Ar-Rahnu (Skim Pajak Gadai Islam yang berlandaskan syariah). Jika sebelum ini sistem pajak gadai konvensional banyak dimonopoli oleh bangsa lain

dan umat Islam terpaksa mendapatkan perkhidmatan akibat keperluan mendesak untuk tunai segera dan dikenakan kadar bunga (keuntungan) yang tinggi. Kini pajak gadaai Ar-Rahnu, menerima sambutan menggalakkan dan semakin

berkembang seperti 'cendawan tumbuh selepas hujan'.

11. Antara kelebihan Ar-Rahnu, tiada bunga dikenakan sebaliknya hanya dikenakan kadar upah simpan yang minima, semua transaksi jelas

direkod dan notis dikeluarkan kepada pelanggan, transparan, pembayaran yang fleksibel dan lain-lain. Paling istimewa, koperasi yang mengusahakan aktiviti pajak gadai ini dikecualikan daripada Akta Pajak Gadai 1972 kerana koperasi

merupakan pengendali swasta dengan objektif untuk mencapai keuntungan maksimum.

12. Selain itu, dalam kita berdepan dengan situasi harga barangan naik, koperasi amat digalakkan untuk

menceburi perniagaan peruncitan. Perniagaan runcit adalah satu-satunya sektor perniagaan yang paling mudah diceburi di Malaysia dan merupakan antara industri yang penting dan memberi sumbangan besar terhadap ekonomi negara.

13. Justeru, ANGKASA melibatkan diri dalam Program Peruncitan (BA100) dalam menyediakan dan membangunkan platform digital ANGKASA untuk peruncit. BA100 adalah projek nasional yang menjadi nadi kepada program pembangunan

ekonomi gerakan koperasi.

14. Jadi, koperasi amat digalakkan untuk menceburi perniagaan runcit dan mempromosikan barangan/produk-produk mereka melalui platform BA100 atau lain-lain

platform untuk menambah pendapatan koperasi. Seterusnya dapat bersama-sama menjadi 'pemain' dalam mengawal kenaikan harga barangan dan menawarkan barangan keperluan asas pada harga mampu milik bukan sahaja untuk

anggota bahkan masyarakat.

15. Akhir kata, sekali lagi terima kasih kepada warga KOPUTRA yang sudi memberikan saya peluang untuk memberikan ucapan pada hari yang barakah ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmannirahim,
saya dengan ini merasmikan
Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan
KOPUTRA Kali ke-36.

Sekian, terima kasih.